

[ISLAMIC GOVERNANCE FRAMEWORK IN THE ADAT PERPATIH INSTITUTIONS  
OF NEGERI SEMBILAN 1888M–1960M: A REVIEW STUDY]

KERANGKA TADBIR URUS ISLAM DALAM INSTITUSI ADAT PERPATIH DI  
NEGERI SEMBILAN 1888M-1960M: SATU PENELITIAN

*Shafie Muhammad*  
*p145046@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Ermy Azziaty Rozali*  
*ermy@ukm.edu.my*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Anwar Muttaqin*  
*anwar86@ukm.edu.my*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Ibnor Azli Ibrahim*  
*azli.ibrahim@unissa.edu.bn*  
*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, BE1310, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,*  
*Brunei Darussalam*

### **Abstrak**

Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih sebagai asas pemerintahan tradisional sejak abad ke 18 lagi. Namun demikian, perbincangan mengenai Adat Perpatih dalam kerangka tadbir urus Islam masih kurang dibincangkan secara sistematik dalam wacana kajian sejarah pentadbiran agama. Kajian ini bertujuan untuk meneliti perkembangan tadbir urus institusi Islam di Negeri Sembilan antara 1888M hingga 1960M menerusi analisis kedudukan Adat Perpatih sebagai autoriti pemerintahan agama Islam. Turut diteliti peranan Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama sebagai teras autoriti agama selain politik. Metodologi penyelidikan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian sejarah dan analisis tematik terhadap sumber sekunder dan sumber primer yang telah ditafsir oleh sarjana terdahulu. Kajian ini mendapati bahawa perbincangan terdahulu mengenai Adat Perpatih cenderung memfokuskan aspek adat dan politik secara terpisah daripada kerangka tadbir urus Islam. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama berfungsi sebagai struktur autoriti yang menggabungkan unsur kepimpinan agama, musyawarah dan legitimasi pemerintahan dalam sistem Adat Perpatih. Penemuan ini menunjukkan bahawa institusi pemerintahan tradisional di Negeri Sembilan mempunyai dimensi Islam yang tersendiri dan menjadi asas kepada pembentukan struktur pentadbiran agama yang lebih formal pada era kolonial. Sumbangan kajian kepada tafsiran semula Adat Perpatih di Negeri Sembilan sebagai suatu kerangka Institusi tadbir urus Islam dalam pemerintahan tempatan Alam Melayu dan Asia Barat.

**Kata kunci:** Tadbir urus Islam, Institusi Islam, Negeri Sembilan, Adat Perpatih.

### **Abstract**

*Negeri Sembilan has practised Adat Perpatih as the foundation of its traditional system of governance since the eighteenth century. Nevertheless, discussions of Adat Perpatih within the framework of Islamic governance remain insufficiently examined in a systematic manner within the discourse on the history of religious administration. This study aims to examine the development of Islamic institutional governance in Negeri Sembilan between 1888 and 1960 through an analysis of the position of Adat Perpatih as an authority in the governance of Islam. It also investigates the role of the Yang di-Pertuan Besar together with the principal Undang of the Luak as the core religious authority in addition to their political authority. The research adopts a qualitative approach through historical study and thematic*

*analysis of secondary sources and primary sources that have been interpreted by previous scholars. The study finds that earlier discussions on Adat Perpatih have tended to focus on customary and political aspects separately from the Islamic framework. The findings further indicate that the Yang di-Pertuan Besar and the principal Undang of the Luak functioned as a structure of authority that integrated elements of religious leadership, consultation (musyawarah), and governmental legitimacy within the Adat Perpatih system. These findings demonstrate that the traditional governing institutions of Negeri Sembilan possessed a distinct Islamic dimension and served as the foundation for the formation of a more formal religious administrative structure during the colonial period. The study contributes towards a reinterpretation of Adat Perpatih in Negeri Sembilan as a framework of Islamic governance institutions within the local government system of the Malay World of West Asia.*

**Keywords:** *Islamic Governance, Islamic Institutions, Negeri Sembilan, Adat Perpatih.*

*Article Received:*  
28 February 2026

*Article Reviewed:*  
31 March 2026

*Article Published:*  
15 June 2026

## PENGENALAN

Era Kesultanan Melayu Melaka berfungsi sebagai model rujukan sejarah tadbir urus Islam di Semenanjung Tanah Melayu (Muhammad Syahir et al., 2016) khususnya dari segi hubungan antara autoriti politik, perundangan Islam (Abdul Monir, 2021) dan struktur masyarakat. Walaupun kebanyakan negeri Melayu pasca Melaka mengekalkan kerangka pemerintahan berasaskan kesultanan, namun Negeri Sembilan didapati berbeza melalui pengamalan Adat Perpatih. Perbezaan ini tidak menafikan kedudukan Syariat Islam sebaliknya dijelaskan melalui perlembagaan lisan adat yang mencerminkan jalinan antara adat tempatan dan prinsip hukum Islam yang bersumberkan al-Quran sebagaimana terungkap dalam perbilangan “*adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah*” (Zakaria Hitam, 1988., Durrishah Idrus, 1990). Keadaan ini menunjukkan bahawa tadbir urus Islam di Negeri Sembilan berkembang melalui pendekatan institusi yang berbeza daripada negeri Melayu lain namun masih berada dalam kerangka tadbir urus Islam yang berasal daripada tradisi pemikiran Islam yang berkembang di dunia Islam bahagian Asia Barat.

Walaupun sejarah Negeri Sembilan sering dianalisis melalui lensa Adat Perpatih dan struktur politik tradisional (Abdullah Zakaria, 2015), peranan institusi pemerintahan sebagai institusi Islam dalam kerangka tadbir urus masyarakat masih kurang diberi perhatian secara sistematik. Kebanyakan kajian terdahulu menempatkan Islam sebagai unsur normatif atau latar budaya, tanpa menilai bagaimana autoriti agama dilaksanakan melalui institusi Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama. Justeru, artikel ini tidak bertujuan membentangkan kajian empirikal baharu, sebaliknya memfokuskan kepada penelitian terhadap literatur sedia ada bagi menilai sejauh mana tadbir urus Islam di Negeri Sembilan telah difahami, ditafsir dan diposisikan dalam historiografi tempatan berdasarkan kerangka tadbir urus Islam. Artikel ini bertujuan untuk (i) menilai kedudukan institusi Adat Perpatih sebagai kerangka tadbir urus Islam, dan (ii) mengenal pasti jurang historiografi dalam tempoh 1888M–1960M.

Pelaksanaan tadbir urus institusi Islam di Negeri Sembilan dapat dianalisis melalui prinsip syura yang terzahir secara praktikal dalam sistem pelantikan Yang di-Pertuan Besar oleh Undang Luak-Luak utama (Rosiswandy Salleh, 2017). Mekanisme ini memperlihatkan suatu bentuk tadbir urus kolektif yang mengekang pemusatan kuasa mutlak dan pada masa yang sama mengiktiraf autoriti agama serta adat. Semasa campur tangan British, struktur ini tidak dimansuhkan sepenuhnya sebaliknya disesuaikan dengan sistem pentadbiran British. Interaksi tersebut akhirnya menjadi asas kepada pembentukan institusi formal agama seperti Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Namun, tempoh pemerintahan dua orang Yang di-Pertuan Besar antara 1888M hingga 1960M memperlihatkan peranan sistem Adat Perpatih apabila prinsip tadbir urus Islam tradisional mula dicabar oleh kerangka pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh British.

Kajian ini penting kerana ia mencabar kecenderungan historiografi yang memisahkan adat dan Islam sebagai dua entiti yang berdiri secara berasingan dalam struktur pemerintahan Negeri Sembilan. Dengan menilai Adat Perpatih sebagai suatu bentuk autoriti pemerintahan yang mengandungi unsur tadbir urus Islam, kajian ini bukan sahaja memperluas pemahaman

tentang sejarah institusi tempatan, malah menyumbang kepada perbincangan teori tadbir urus Islam dalam konteks masyarakat Melayu. Pendekatan ini membolehkan perkembangan institusi agama moden di Negeri Sembilan difahami sebagai kesinambungan sejarah yang bersifat institusional, bukan semata-mata hasil intervensi kolonial.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian naratif sejarah dengan analisis kandungan. Pendekatan ini dipilih bagi meneliti pembentukan dan perkembangan kerangka tadbir urus Islam dalam institusi Adat Perpatih di Negeri Sembilan sepanjang tempoh 1888M hingga 1960M. Data diperoleh daripada sumber sekunder seperti buku sejarah, artikel jurnal berindeks, tesis akademik serta kajian terdahulu yang berkaitan dengan Adat Perpatih, institusi Islam dan pentadbiran kolonial. Sumber-sumber ini dianalisis bagi memahami struktur kuasa, pembahagian bidang kuasa serta hubungan antara adat, autoriti beraja dan institusi agama. Analisis dilaksanakan menggunakan pendekatan bertema dengan mengelompokkan perbincangan kepada aspek utama seperti hubungan adat dan Islam, perubahan struktur pentadbiran agama serta implikasi campur tangan kolonial terhadap undang-undang Islam. Pendekatan ini membolehkan pembinaan kerangka konseptual mengenai kerangka tadbir urus Islam dalam konteks institusi adat. Kesahan dapatan dipastikan melalui triangulasi sumber dan semakan silang antara rujukan akademik bagi menjamin konsistensi fakta serta mengurangkan bias tafsiran. Di samping itu, keutamaan diberikan kepada sumber primer yang ditafsir oleh sarjana sejarah tempatan serta karya akademik berindeks bagi memastikan kesahihan interpretasi sejarah.

## SOROTAN LITERATUR

### **Kerajaan Negeri Sembilan Dalam Sejarah Tamadun Melayu**

Penulisan awal mengenai Negeri Sembilan banyak bergantung kepada sumber kolonial yang memberi gambaran deskriptif tentang struktur politik, adat dan kepercayaan masyarakat tempatan. Karya Winstedt (1934, p.1-12), misalnya, menyediakan maklumat asas yang penting tentang organisasi politik dan budaya Negeri Sembilan sebelum dan semasa awal campur tangan British. Namun, penulisan ini lebih cenderung melihat masyarakat tempatan dari sudut pentadbiran kolonial, dengan penekanan terhadap adat sebagai fenomena budaya, tanpa analisis mendalam terhadap peranan institusi Islam sebagai komponen tadbir urus pemerintahan. Keadaan ini mewujudkan asas historiografi yang kaya dari segi data, tetapi terhad dari segi tafsiran institusi agama.

Karya Abdul Samad Idris (1968) penting dalam memperluas wacana sejarah Negeri Sembilan melalui naratif menyeluruh yang merangkumi aspek pemerintahan, wilayah luak, salasilah raja dan perubahan politik sehingga abad ke-20. Sumbangan utama karya ini ialah dokumentasi terperinci tentang struktur tradisional Negeri Sembilan serta pengakuan terhadap perubahan akibat campur tangan British. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan masih bersifat kronologi dan deskriptif, dengan penekanan kepada peristiwa dan struktur politik, tanpa menilai secara kritikal bagaimana perubahan tersebut memberi kesan terhadap kedudukan dan fungsi institusi Islam dalam sistem pemerintahan negeri.

Buyong Adil (1981) membawa perspektif yang lebih kritikal dengan menyoroti konflik kuasa dalam kalangan pembesar tempatan serta kemasukan Islam ke kawasan luak-luak di Negeri Sembilan. Penekanan terhadap faktor materialisme dan persaingan elit tempatan membantu menjelaskan bagaimana kelemahan dalaman membuka ruang kepada dominasi British. Walaupun analisis ini penting untuk memahami dinamika politik tempatan, peranan Islam dan institusi agama masih dilihat sebagai latar sosial, bukan sebagai entiti tadbir urus yang mempunyai autoriti tersendiri dalam mengawal masyarakat dan kuasa politik.

Kajian oleh Khoo Kay Kim (1994) menunjukkan peralihan penting dalam historiografi Negeri Sembilan dengan menekankan fungsi Adat Perpatih sebagai kerangka sosial dan politik yang membentuk pentadbiran negeri. Pendekatan ini disokong oleh Mahayudin Yahya (1998) yang meletakkan sejarah Negeri Sembilan dalam konteks tamadun Islam di Alam

Melayu, dengan menegaskan proses integrasi Islam ke dalam adat tanpa penghapusan nilai tempatan. Abdullah Zakaria (2019) pula menambah dimensi pewarisan kuasa dan kesinambungan institusi raja. Walaupun ketiga-tiga kajian ini memperkayakan kefahaman tentang hubungan adat, Islam dan kuasa, analisis mereka masih belum meneliti institusi Islam sebagai struktur tadbir urus yang berfungsi secara sistematik.

Penulisan Mestika Zed (2010) dan Norhalim Ibrahim (2007) memperlihatkan kepentingan Negeri Sembilan sebagai entiti politik yang terbentuk melalui pengaruh serantau yang kompleks, melibatkan Melaka, Johor, Siak dan Minangkabau. Ungkapan sejarah “Beraja ke Johor, Bertali ke Siak, Bertuan ke Minangkabau” mencerminkan kedudukan Negeri Sembilan dalam rangka legitimasi politik dan keadilan berasaskan keturunan Minangkabau. Analisis ini penting untuk memahami asas autoriti Yang di-Pertuan Besar, namun hubungan autoriti tersebut dengan peranan agama Islam sebagai asas tadbir urus masyarakat masih kurang diberi perhatian secara khusus.

### **i. Adat Perpatih**

Dalam Literatur mengenai adat secara umum, seperti Al-Mu'jam al-Wasit (2013), Kamus Dewan (2007) dan Abdullah Siddik (1975), memperlihatkan adat sebagai sistem norma yang membentuk tingkah laku dan peraturan hidup masyarakat. Dalam konteks Negeri Sembilan, definisi ini memberi asas untuk memahami Adat Perpatih bukan sekadar tradisi budaya, tetapi sebagai sistem sosial yang mempunyai autoriti normatif. Namun, perbincangan ini masih bersifat konseptual dan belum mengaitkan adat secara langsung dengan tadbir urus institusi Islam.

Kajian Nadzan Haron (1997) dan Rosiswandy Salleh (2017) menegaskan bahawa Adat Perpatih merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi dan undang-undang. Penekanan terhadap pelantikan pemimpin, pemilikan harta pusaka dan organisasi sosial menunjukkan bahawa Adat Perpatih berfungsi sebagai sistem pentadbiran yang menyeluruh. Walaupun konsep ukhawah dan keadilan yang selari dengan Islam sering disebut, kajian-kajian ini lebih menumpukan kepada kestabilan sosial berbanding analisis peranan institusi Islam sebagai teras tadbir urus.

Kajian Abdul Samad Idris (1994) dan Wan Hamdi et al. (2022) menonjolkan struktur hierarki Adat Perpatih yang bermula dari peringkat akar umbi hingga ke pemilihan Yang di-Pertuan Besar. Mekanisme ini jelas memperlihatkan amalan syura yang selari dengan prinsip tadbir urus Islam. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini masih belum menilai bagaimana prinsip tersebut diuji, diubah atau terpinggir apabila sistem pentadbiran kolonial British diperkenalkan.

Adat Perpatih berbentuk amalan warisan adat yang tidak bertulis yang telah diwarisi sejak abad ke-17 dan diamalkan sehingga hari ini. Adat ini telah menjadi warisan budaya kebangsaan yang memperlihatkan keunikan masyarakat di Negeri Sembilan. Nilai-nilai murni amalan adat Adat Perpatih yang jelas berpandukan agama Islam dan diperolehi daripada ajarannya telah diiktiraf dalam membentuk nilai-nilai sosial dan kemasyarakatan di negara ini. Salah satu nilai ini ialah sistem kepimpinan yang bukan sahaja dipandang tinggi kerana nilai murninya, malah juga telah menjadi rujukan utama dan tulang belakang yang membentuk Majlis Raja-Raja serta sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia (Sahid et al., 2021). Literatur menunjukkan keunikan konsep kepimpinan dalam *Adat Perpatih* sangat berkait rapat dengan sistem sedia ada yang diamalkan dalam Islam yang terkenal sebagai *Ijmak* dan *Syura*. Oleh itu, sistem kepimpinan yang diamalkan oleh rakyat negeri Sembilan dalam *Adat Perpatih* mereka sejak dahulu telah diiktiraf sebagai model kepimpinan terbaik untuk dicontohi (Sahid et al., 2021).

### **ii. Autoriti Agama**

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan berperanan sebagai Ketua Agama Islam dan adat istiadat Melayu dengan dibantu oleh Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin. Pemilihan baginda melalui persepakatan institusi tersebut memperlihatkan amalan syura dan perkongsian kuasa dalam sistem pemerintahan Negeri Sembilan. Sebelum campur tangan British, pelantikan Yang di-Pertuan Besar berada di bawah Penghulu Luak Ulu Muar, namun kemudiannya dipindahkan kepada Undang Yang Empat. Struktur ini mencerminkan elemen tadbir urus Islam yang berasaskan musyawarah dan legitimasi institusi (Anwar Muttaqin 2022).

Kedudukan Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam memperlihatkan bahawa institusi pemerintahan Negeri Sembilan bukan sekadar berfungsi sebagai struktur politik tradisional, bahkan mempunyai autoriti keagamaan yang diiktiraf dalam sistem pentadbiran negeri. Dalam konteks Adat Perpatih, pelaksanaan kuasa agama tidak tertumpu kepada Yang di-Pertuan Besar semata-mata, sebaliknya dilaksanakan melalui hubungan institusional dengan Undang Luak-Luak utama yang terlibat dalam proses pelantikan dan legitimasi pemerintahan. Struktur ini menunjukkan bahawa autoriti agama dan adat beroperasi secara saling melengkapi dalam memastikan kestabilan masyarakat.

Dari perspektif tadbir urus Islam, penglibatan Undang Luak-Luak utama dalam proses pemilihan Yang di-Pertuan Besar memperlihatkan pelaksanaan prinsip syura dan perkongsian kuasa yang menjadi ciri penting pemerintahan Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa legitimasi pemerintahan bukan hanya bergantung kepada keturunan atau kuasa individu, tetapi turut dipengaruhi oleh penerimaan institusi adat dan autoriti masyarakat. Walaupun campur tangan British telah membawa perubahan terhadap struktur pentadbiran negeri, kedudukan Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam dan peranan Undang Luak-Luak utama terus menjadi komponen penting dalam kesinambungan tadbir urus Islam di Negeri Sembilan.

## **ii. Tempoh Masa**

Abad ke-19 dan ke-20 merupakan tempoh percaturan kuasa Barat, terutamanya British, yang ditunjangi kepentingan-kepentingan tertentu. Di Tanah Hijaz dan Kerajaan Uthmaniyyah (Nurul Abrar & Napisah Karimah 2024). Negeri Sembilan yang berada di Tanah Melayu tidak terlepas terkena campur tangan British. Ianya membawa perubahan besar terhadap struktur tadbir urus Negeri Sembilan dan akhirnya mencetuskan kebangkitan nasionalisme Melayu (Nazirah Lee 2022). Senarai pemerintahan raja-raja Negeri Sembilan yang dibentangkan oleh Rosiswandy Salleh (2017) menyediakan konteks kronologi yang jelas. Pemilihan tempoh 1888M–1960M adalah signifikan kerana ia merangkumi fasa pengukuhan pentadbiran kolonial, konflik global dan peralihan menuju kemerdekaan. Namun, kebanyakan kajian hanya menggunakan periodisasi ini sebagai latar sejarah tanpa menilai implikasi jangka panjangnya terhadap institusi Islam dan tadbir urus agama.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa sejarah Negeri Sembilan sering dianalisis melalui lensa adat, politik dan kolonialisme, tetapi peranan institusi pemerintahan sebagai institusi Islam masih kurang ditonjolkan. Walaupun kestabilan sosio-politik Negeri Sembilan di bawah Adat Perpatih dan kuasa beraja diakui, interaksi antara adat dan autoriti agama dalam membentuk tadbir urus Islam belum dianalisis secara menyeluruh. Jurang ini membuka ruang untuk kajian lanjut yang memfokuskan tempoh 1888M–1960M sebagai asas pembentukan institusi agama Islam moden Negeri Sembilan. Tempoh ini bukan sahaja mencerminkan perubahan politik, tetapi juga memperlihatkan peralihan bidang kuasa agama daripada autoriti adat kepada kerangka pentadbiran negeri moden.

## **Kerangka Tadbir Urus Islam**

Tadbir urus Islam secara umum ditakrif sebagai sistem pengurusan berteraskan prinsip al-Quran dan al-Sunnah yang menekankan keadilan, akauntabiliti, ketelusan dan musyawarah (syura) (Nursyafiqah Ruzali, et.al 2025). Dalam konteks teori, prinsip-prinsip ini dilihat sebagai asas normatif yang membentuk etika kepimpinan dan struktur pentadbiran dalam masyarakat Islam.

Maszlee Malik (2019) membincangkan asas tadbir urus Islam melalui penekanan terhadap ciri kepimpinan seperti keadilan, kebijaksanaan dan wawasan, serta hubungannya dengan pengurusan moden. Sumbangan utama karya ini ialah pembinaan kerangka teori yang boleh digunakan untuk menilai keberkesanan pentadbiran agama. Sharifah Hayaati et al. (2008) pula menegaskan bahawa konsep governan efektif telah lama wujud dalam tradisi Islam dengan penekanan kepada integriti moral pemimpin. Walaupun kedua-dua kajian ini menyediakan asas konseptual yang kukuh, pendekatannya bersifat umum dan tidak dikaitkan secara langsung dengan realiti pentadbiran agama di peringkat negeri atau konteks adat tempatan.

Kajian Azarudin Awang dan Azman Che Mat (2012) menambah dimensi penting dengan menekankan peranan sumber-sumber klasik Islam seperti al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad dalam pembentukan dasar pengurusan berteraskan nilai agama. Penekanan ini relevan untuk memahami asas normatif tadbir urus Islam dalam masyarakat Islam tradisional. Namun, kajian ini tidak meneliti secara mendalam cabaran praktikal mengintegrasikan nilai-nilai tersebut dalam sistem pentadbiran yang dipengaruhi oleh undang-undang Barat, khususnya dalam konteks masyarakat yang mengamalkan sistem adat seperti Negeri Sembilan.

Dalam konteks artikel ini, tadbir urus Islam difahami sebagai satu sistem pengurusan dan pemerintahan yang berasaskan prinsip al-Quran dan al-Sunnah, khususnya keadilan, akauntabiliti, syura dan pemeliharaan masalah masyarakat. Kerangka Tadbir Urus Islam digunakan sebagai kerangka analitik bagi menilai fungsi institusi Adat Perpatih dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Kerangka ini dibangunkan berdasarkan prinsip-prinsip tadbir urus Islam yang terdiri daripada syura, amanah, keadilan, integriti, masalah dan akauntabiliti (Anwar et. al 2025a). Prinsip-prinsip tersebut dianalisis melalui tiga dimensi utama, iaitu prinsip, struktur dan mekanisme pelaksanaan. Dimensi prinsip merujuk kepada nilai asas yang menjadi panduan pemerintahan. Dimensi struktur merangkumi institusi Yang di-Pertuan Besar, Undang Luak-Luak, Lembaga dan Buapak sebagai autoriti pemerintahan tradisional. Dimensi mekanisme pula merujuk kepada proses pelantikan pemimpin, musyawarah, penyelesaian pertikaian dan pengurusan masyarakat yang diamalkan dalam Adat Perpatih.

Kerangka ini digunakan bukan untuk menilai sama ada Adat Perpatih sepenuhnya berasaskan syariah, tetapi untuk mengenal pasti unsur-unsur tadbir urus Islam yang wujud dalam struktur pemerintahan tradisional Negeri Sembilan serta perubahan yang berlaku sepanjang tempoh 1888M–1960M. Kerangka ini membolehkan sorotan literatur dianalisis secara lebih kritikal, khususnya dalam menilai kesan pengenalan undang-undang kolonial British terhadap autonomi dan fungsi institusi Islam tradisional Negeri Sembilan.

### **Institusi Islam Negeri Sembilan**

Institusi Islam dapat diperhatikan pada hubungan Kepimpinan Islam, ulama dan institusi Melayu (Ermy Azziaty Rozali et. al 2021). Kemasukan pentadbiran kolonial British telah mencetuskan perubahan terhadap struktur tadbir urus institusi Islam. Campur tangan ini bukan sahaja mengganggu autoriti tradisional institusi agama, malah memberi kesan langsung terhadap kehidupan keagamaan, sosial dan ekonomi masyarakat Islam (Nazirah Lee 2022). Dalam tempoh 1888M–1960M, institusi Islam Negeri Sembilan mengalami peralihan daripada pentadbiran tradisional di peringkat Luak kepada struktur yang lebih formal di bawah pengawasan kerajaan negeri dan peraturan kolonial (Anwar Muttaqin et. al 2025b). Analisis Azlizan dan Nurul Fatimah (2019) membuktikan bahawa undang-undang Inggeris telah mengehadakan bidang kuasa undang-undang Islam kepada urusan peribadi seperti perkahwinan dan ibadat, sekali gus mengurangkan peranan institusi Islam dalam urusan pentadbiran dan kehakiman yang lebih luas.

Sejarah pengamalan Adat Perpatih menunjukkan bahawa kuasa perundangan agama Islam di Negeri Sembilan pada asalnya terletak di bawah autoriti Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama. Struktur ini boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk institusi Islam tradisional yang berfungsi menjaga masalah masyarakat Islam setempat. Autoriti ini bukan sahaja bersifat simbolik, malah berperanan dalam mengawal kehidupan sosial dan perundangan masyarakat sebelum campur tangan British. Namun, literatur sedia ada cenderung membincangkan struktur ini dari sudut adat dan politik, tanpa menganalisisnya secara mendalam sebagai institusi tadbir urus Islam yang mempunyai legitimasi agama dan sosial (Sahid et al., 2021).

Penulisan oleh Izziah Suryani et al. (2016) menyediakan gambaran menyeluruh tentang sejarah dan fungsi institusi formal agama di Negeri Sembilan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS), institusi Mufti, pentadbiran wakaf, masjid dan Baitulmal. Sumbangan utama karya ini terletak pada dokumentasi fakta sejarah dan struktur institusi agama tempatan. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan bersifat deskriptif dan tidak menelusuri asal-usul awal institusi Islam tradisional yang menjadi asas kepada pembentukan institusi formal tersebut pada era kolonial.

Kajian Anwar Muttaqin (2022) memberi tumpuan kepada peranan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sebagai peneraju pembangunan sosioekonomi ummah dalam konteks kontemporari. Perbincangan tentang strategi pengurusan, dasar pembangunan dan

impak sosial MAINS memperlihatkan kepentingan institusi ini dalam masyarakat Islam moden. Namun, fokus kajian yang tertumpu kepada era pascakolonial menyebabkan hubungan antara MAINS dengan evolusi institusi Islam tradisional dan perubahan bidang kuasa semasa era kolonial tidak dianalisis secara mendalam.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa institusi Islam di Negeri Sembilan telah melalui proses transformasi yang dinamik daripada sistem berasaskan Adat Perpatih dan autoriti Yang di-Pertuan Besar kepada struktur pentadbiran rasmi di bawah pengaruh kolonial British. Walaupun kajian oleh Izziah Suryani et al. (2016) dan Anwar Muttaqin (2022) membincangkan peranan institusi agama secara fungsional, sejarah awal dan proses peralihan institusi Islam di Negeri Sembilan masih kurang diterokai. Hanya kajian Azlizan dan Nurul Fatimah (2019) secara langsung meneliti kesan campur tangan British terhadap bidang kuasa undang-undang Islam. Kekurangan analisis integratif ini menuntut penelitian lanjut untuk memahami bagaimana perubahan tadbir urus institusi Islam mempengaruhi kehidupan keagamaan, sosial dan ekonomi masyarakat Islam Negeri Sembilan sehingga mencetuskan kebangkitan nasionalisme Melayu Islam dan pembentukan institusi formal seperti JAINS dan MAINS.

### **Analisis Sorotan Literatur**

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penulisan sejarah Negeri Sembilan banyak dianalisis melalui perspektif Adat Perpatih dan struktur politik, khususnya melalui sumber kolonial seperti Winstedt (1934) serta kajian tempatan oleh Abdul Samad Idris (1968), Buyong Adil (1981) dan Rosiswandy Salleh (2017). Walaupun karya-karya ini kaya dengan data deskriptif dan kronologi sejarah, pendekatan yang digunakan cenderung meminggirkan peranan institusi Islam sebagai komponen utama tadbir urus pemerintahan. Dimensi tadbir urus Islam tidak dianalisis secara khusus, sebaliknya sering dianggap sebagai unsur latar dalam naratif politik dan adat.

Kajian Mahayudin Yahya (1998) dan Abdullah Zakaria (2019) telah memperkayakan wacana sejarah Negeri Sembilan dengan meletakkannya dalam konteks tamadun Islam dan kesinambungan institusi kesultanan Melayu. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini masih belum meneroka secara empirikal interaksi antara Adat Perpatih dan perundangan Islam dalam kerangka pentadbiran negeri. Hubungan dinamik antara adat sebagai sistem sosial dan Islam sebagai asas normatif tadbir urus masih belum dianalisis secara mendalam, khususnya dalam konteks perubahan struktur kuasa akibat campur tangan kolonial.

Dari sudut teori, karya Maszlee Malik (2019), Sharifah Hayaati et al. (2008, 2020), Azarudin dan Azman (2012) serta Lukman Ibrahim (2020) menyediakan kerangka normatif tadbir urus Islam yang menekankan prinsip keadilan, akauntabiliti, ketelusan dan syura. Namun, kesemua kajian ini bersifat umum dan tidak memberi tumpuan khusus kepada konteks Negeri Sembilan yang dipengaruhi oleh sistem Adat Perpatih. Keterkaitan antara teori tadbir urus Islam dengan realiti pentadbiran negeri yang berhadapan dengan undang-undang kolonial British masih kabur dan belum diuji secara empirikal.

Di peringkat institusi, dokumentasi mengenai peranan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan institusi Mufti oleh Izziah Suryani et al. (2016) serta Anwar Muttaqin (2022) menunjukkan perkembangan signifikan institusi agama Islam dari sudut fungsi dan pengurusan. Kajian Azlizan dan Nurul Fatimah (2019) pula membuktikan kesan langsung pengenalan undang-undang Inggeris terhadap perubahan bidang kuasa undang-undang Islam. Walaupun demikian, kajian-kajian ini belum dianalisis secara integratif untuk meneliti interaksi antara kuasa Adat Perpatih, autoriti Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama, peranan pembesar tempatan dan strategi pentadbiran kolonial dalam membentuk struktur institusi agama.

Apabila keseluruhan literatur ini diteliti secara kolektif, jelas bahawa walaupun peranan institusi Islam di Negeri Sembilan telah diiktiraf dan direkodkan, hubungan dinamik antara adat perpatih, kuasa raja dan Undang Luak-Luak utama dalam mengurus masyarakat tempatan semasa pelaksanaan dasar kolonial masih belum dikaji secara terperinci. Kekurangan dapatan khusus mengenai konflik dan kacau ganggu terhadap struktur institusi agama akibat pengenalan undang-undang kolonial menyebabkan pemahaman tentang proses penyusunan semula pentadbiran agama Islam Negeri Sembilan dalam tempoh 1888M–1960M kekal terbatas. Justeru, penyelidikan lanjut diperlukan untuk meneliti bagaimana kepimpinan agama berasaskan adat dan autoriti tempatan berinteraksi dengan dasar kolonial sehingga membawa

kepada pembentukan institusi formal seperti JAINS dan MAINS serta kesannya terhadap kehidupan keagamaan, sosial dan ekonomi masyarakat Islam tempatan.

### **Aplikasi Kerangka Tadbir Urus Islam Dalam Analisis Adat Perpatih**

Berdasarkan sorotan literatur, kerangka Tadbir Urus Islam yang terdiri daripada dimensi prinsip, struktur dan mekanisme dapat digunakan bagi memahami kedudukan Adat Perpatih sebagai suatu sistem pemerintahan tradisional yang mempunyai unsur-unsur tadbir urus Islam. Dari sudut prinsip, beberapa kajian menunjukkan bahawa sistem Adat Perpatih mengandungi nilai yang selari dengan prinsip syura, keadilan, amanah dan masalah. Hal ini dapat diperhatikan melalui perbilangan adat “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah” yang menggambarkan hubungan antara norma adat dan prinsip syariah dalam kehidupan masyarakat Negeri Sembilan.

Dari sudut struktur pula, sistem pemerintahan Negeri Sembilan memperlihatkan kewujudan autoriti yang tersusun melalui institusi Yang di-Pertuan Besar, Undang Luak-Luak utama, Lembaga dan Buapak. Struktur ini menunjukkan bahawa kuasa pemerintahan tidak tertumpu kepada seorang pemerintah semata-mata, sebaliknya diagihkan kepada beberapa institusi yang mempunyai fungsi dan bidang kuasa tertentu. Keadaan ini mewujudkan unsur semak dan imbang yang selari dengan prinsip tadbir urus Islam.

Manakala dari sudut mekanisme pelaksanaan, amalan pemilihan Yang di-Pertuan Besar melalui musyawarah Undang Luak-Luak utama memperlihatkan pelaksanaan syura secara institusional. Selain itu, penyelesaian pertikaian, pengurusan masyarakat dan pelaksanaan adat turut dilaksanakan melalui proses perundingan dan konsensus. Walaupun sistem ini mengalami perubahan akibat campur tangan kolonial British, unsur-unsur tadbir urus Islam tersebut masih dapat dikesan dalam struktur pemerintahan tradisional Negeri Sembilan. Oleh itu, kerangka ini membantu menjelaskan bahawa Adat Perpatih bukan sahaja berfungsi sebagai sistem adat, tetapi juga mengandungi elemen tadbir urus Islam yang membentuk legitimasi dan kestabilan pemerintahan negeri.

### **Konsep Kepimpinan Islam Sebagai Kerangka Analitik Tadbir Urus Adat Perpatih**

Perbincangan mengenai tadbir urus Islam dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan boleh diperkukuhkan melalui kerangka teori kepimpinan Islam sebagaimana dihuraikan oleh Razaleigh Muhamat @Kawangit (2015) dalam Bab 4 *Konsep Kepimpinan Islam*. Beliau menegaskan bahawa kepimpinan dalam Islam bukan sekadar struktur kuasa, tetapi suatu amanah yang berteraskan tauhid, keadilan, syura dan pertanggungjawaban kepada Allah SWT serta masyarakat. Kerangka ini sesuai dijadikan asas analitik untuk menilai peranan Yang di-Pertuan Besar dan Undang Luak-Luak utama dalam struktur pemerintahan tradisional Negeri Sembilan.

Dari sudut definisi, kepimpinan Islam menurut Razaleigh merujuk kepada proses memimpin yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta berorientasikan masalah ummah. Prinsip ini dapat dikesan dalam sistem pelantikan Yang di-Pertuan Besar melalui musyawarah Undang Luak-Luak utama, yang memperlihatkan amalan syura secara institusional. Perbilangan adat “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah” pula mencerminkan integrasi antara norma adat dan prinsip syariah. Hal ini menunjukkan bahawa struktur Adat Perpatih tidak terpisah daripada kerangka normatif Islam, sebaliknya berfungsi sebagai model kepimpinan Islam yang bersifat kontekstual dan lokal.

Dalam aspek cabaran membentuk kepimpinan, Razaleigh menjelaskan bahawa pemimpin Islam sentiasa berhadapan dengan tekanan politik, perubahan sistem serta cabaran integriti. Keadaan ini dapat diperhatikan secara jelas dalam tempoh 1888M–1960M apabila campur tangan British menghadkan bidang kuasa undang-undang Islam dan mengubah struktur pentadbiran tradisional. Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama terpaksa menyesuaikan diri dengan kerangka pentadbiran kolonial tanpa mengabaikan legitimasi agama dan adat. Situasi ini menggambarkan cabaran kepimpinan Islam dalam mempertahankan nilai dan prinsip ketika berhadapan dengan dominasi sistem luar.

Selain itu, Razaleigh turut menekankan cabaran melaksanakan tanggungjawab kepimpinan, khususnya dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan masyarakat dalam keadaan kuasa yang terhad. Penyempitan bidang kuasa undang-undang Islam kepada urusan

peribadi selepas pengenalan undang-undang Inggeris menunjukkan bagaimana autoriti kepimpinan agama tradisional mengalami perubahan signifikan. Walau bagaimanapun, struktur adat yang berasaskan musyawarah dan konsensus masih berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mengekalkan kestabilan dan keharmonian masyarakat.

Dalam konteks hak pemimpin dan pengikut, Razaleigh menegaskan bahawa kepimpinan Islam menuntut keseimbangan antara ketaatan rakyat dan tanggungjawab pemimpin untuk berlaku adil. Sistem Adat Perpatih yang tidak mengiktiraf kuasa mutlak serta mengamalkan prinsip semak dan imbang melalui Undang Luak-Luak utama memperlihatkan ciri kepimpinan kolektif yang selari dengan prinsip Islam. Hubungan ini menunjukkan bahawa struktur tradisional Negeri Sembilan mengandungi unsur governan Islam yang berteraskan keadilan dan akauntabiliti.

Akhirnya, Razaleigh mengemukakan bahawa kepimpinan Islam yang berkesan memerlukan integriti moral, kefahaman syariah dan penyusunan institusi yang jelas. Transformasi institusi agama di Negeri Sembilan daripada kawalan adat di peringkat Luak kepada pembentukan struktur rasmi seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mencerminkan proses penstrukturan semula kepimpinan agama dalam kerangka pentadbiran moden. Perubahan ini bukan sekadar penyesuaian pentadbiran, bahkan manifestasi evolusi kepimpinan Islam dalam menghadapi perubahan politik dan perundangan.

Secara keseluruhannya, konsep kepimpinan Islam yang diuraikan oleh Razaleigh menyediakan asas teori yang kukuh untuk menilai Adat Perpatih sebagai suatu bentuk tadbir urus Islam tradisional. Analisis ini memperlihatkan bahawa kepimpinan Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama bukan sekadar struktur adat, tetapi suatu sistem kepimpinan Islam yang berfungsi secara institusional dalam mengurus masyarakat. Pendekatan ini sekali gus mengukuhkan hujah bahawa perkembangan institusi Islam di Negeri Sembilan dalam tempoh 1888M–1960M perlu difahami dalam kerangka kepimpinan Islam yang dinamik dan responsif terhadap cabaran zaman.

## KESIMPULAN

Prinsip tadbir urus Islam berasal daripada tradisi intelektual Islam Asia Barat. Ia telah dibentuk sebagai kerangka dan kajian ini mengaplikasikan kerangka tersebut ke Alam Melayu khusus pada Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kajian terdahulu secara konsisten mengiktiraf Adat Perpatih sebagai asas penting dalam pembentukan sejarah sosio-politik Negeri Sembilan. Dengan menggunakan kerangka tadbir urus Islam Adat Perpatih boleh ditafsirkan bukan sekadar sebagai sistem adat, tetapi sebagai suatu bentuk institusi Islam Kerajaan Negeri Sembilan. Abad ke 19 dan 20 di era pemerintahan Tuanku Muhammad (1888M–1933M) dan Tuanku Abdul Rahman (1933M–1960M), institusi agama Islam di Negeri Sembilan beroperasi dalam kerangka pentadbiran yang terhad kerana dikawal oleh pihak British. Pembentukan Jabatan Agama Islam pada pertengahan abad ke-20 serta proses penubuhan Majlis Agama Islam mencerminkan peralihan pentadbiran agama daripada kawalan adat di peringkat Luak kepada struktur rasmi kerajaan negeri.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian-kajian terdahulu masih belum memberikan analisis yang menyeluruh terhadap institusi pemerintahan ini sebagai institusi Islam yang beroperasi secara sistematik. Campur tangan kuasa British dalam tempoh 1888M hingga 1960M telah mengubah landskap tadbir urus agama melalui penyempitan bidang kuasa undang-undang Islam dan penstrukturan semula pentadbiran agama di bawah kerangka negeri moden.

Dari sudut sumbangan kajian ini ialah tafsiran semula historiografi, bukan penemuan fakta baharu. Sumbangan baharu dengan mentafsirkan Institusi Adat Perpatih di Negeri Sembilan sebagai suatu kerangka tadbir urus Islam yang berfungsi secara institusional, bukan sekadar sistem adat atau struktur politik tradisional. Berbeza daripada kajian terdahulu yang cenderung memisahkan analisis adat, politik dan agama, artikel ini menghujahkan bahawa autoriti Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Luak-Luak utama berperanan sebagai institusi Islam yang mempunyai legitimasi agama dan sosial dalam mengurus masyarakat. Kajian ini turut menyumbang kepada bidang pengajian Asia Barat dengan memperlihatkan bagaimana prinsip tadbir urus Islam yang berkembang dalam tradisi intelektual Islam klasik diaplikasikan dan diadaptasi dalam konteks pemerintahan tempatan Alam Melayu.

Dengan menggabungkan kerangka teori tadbir urus dan kepimpinan Islam sebagai alat analitik terhadap sejarah institusi tempatan, kajian ini memperlihatkan bahawa Adat Perpatih mengandungi unsur tadbir urus Islam yang tersusun dan bukan sekadar manifestasi budaya. Tafsiran ini membuka ruang baharu dalam memahami pembentukan institusi Islam moden di Negeri Sembilan dalam kesinambungan sejarahnya sendiri.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Penulisan persediaan draf asal, Shafie Muhammad. Konseptualisasi, Shafie Muhammad, Anwar Muttaqin. Metodologi, Ermy Azziaty Rozali. Kesahan, analisis formal, penelitian, sumber, Anwar Muttaqin, Ibnor Azli Ibrahim. organisasi data, Shafie Muhammad dan Anwar Muttaqin Penulisan suntingan, Ermy Azziaty Rozali, Anwar Muttaqin, Ibnor Azli Ibrahim. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

## **DEKLARASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI)**

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI), iaitu ChatGPT oleh OpenAI, sebagai alat sokongan dalam penyediaan draf dan semakan kandungan. Selepas penggunaan alat ini, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan dengan sewajarnya serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan yang diterbitkan.

## **PERTENTANGAN KEPENTINGAN**

Tiada sebarang potensi konflik kepentingan, sama ada bersifat kewangan, peribadi atau profesional, yang boleh mempengaruhi kajian ini.

## **KENYATAAN ETIKA**

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data diperoleh daripada sumber awam yang boleh diakses secara terbuka dan tidak mengandungi maklumat pengenalan peribadi. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Monir Yaacob. (2021). Mahkamah syariah dari abad ke abad. *Jurnal Syariah*, 29(3), 371–396.
- Abdul Samad Idris. (1968). *Negeri Sembilan dan sejarahnya*. Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Samad Idris. (1994). Adat dan perkembangan politik: Pembangunan masyarakat Negeri Sembilan. Dalam A. S. Idris, N. Ibrahim, H. M. Tainu, & D. N. S. Dharmala (Pnyt.), *Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, segar bersiram, adat merentas zaman* (hlm. 3–8). Penerbit Jawatankuasa Penyelidikan Budaya.
- Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar undang-undang adat di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Abdullah Zakaria. (2015). Sejarah awal Negeri Sembilan sebelum 1898. Kertas kerja Majlis Polemik Sejarah Malaysia ke-36, IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Abdullah Zakaria. (2019). Adat penggantian dalam kesultanan Melayu: Penerusan dan perubahan. Dalam *Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-43: Kesultanan Melayu*. Arkib Negara Malaysia.

- Anwar Muttaqin, Ibnor Azli Ibrahim, Nurul Iman Mohamad Anwar Kamal1 & Nur Asyiqin Zohkarnain. (2025b). *Intervensi Tadbir Urus Islam Negeri Sembilan: Legasi Penjajahan British Dalam Sistem Pentadbiran Moden*. *Islāmiyyāt* 47 (2): 101–112.
- Anwar Muttaqin. (2022). *Tadbir urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam menerajui sosioekonomi ummah di Negeri Sembilan* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Anwar Muttaqin; Ermy Azziaty; Izham Hakimi Redzan & Nur Asyiqin Zohkarnain. (2025a). *Kerangka Tadbir Urus Islam Klasik dan Moden dalam Melestarikan Tadbir Urus dan Sosioekonomi Institusi Ummah di Malaysia*. *International Journal of West Asian Studies IJWAS*. V.17, 175-183.
- Azarudin Awang, & Azman Che Mat. (2012). Sebuah sorotan sumber pengurusan Islam. *Jurnal Peradaban*, 5(1), 72–93.
- Azlizan Mat Enh, & Nurul Fatimah Yusoff. (2019). Pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895–1950. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 28(1), 14–33.
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Negeri Sembilan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durrishah Idrus. (1990). Adat Perpatih dan Islam. Dalam N. Selat (Pnyt.), *Negeri Sembilan dahulu dan sekarang*. Persatuan Muzium Malaysia.
- Ermy Azziaty Rozali, Ameer Yuwsuef Khan Zubair Khan & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin (2021). *Peranan Sheikh Abdullah Fahim dalam Pendidikan dan Politik Masyarakat Melayu*. *International Journal of West Asian Studies IJWAS*.V. 13: 288-298.
- Ghazali Zainuddin & Badlihisam Mohd Nasir (2025). The Abbasid rule in Baghdad and the Islamic governance concept according to al-Mawardi: A literature review. *International Journal of Advanced Research* 13(6): 1119-1126.
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Mahmud, S., Rozali, E. A., & Zain, F. M. (2016). *Islam di Negeri Sembilan*. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (1994). Adat dan perkembangan politik: Pembangunan masyarakat Negeri Sembilan. Dalam A. S. Idris et al. (Pnyt.), *Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, segar bersiram, adat merentas zaman* (hlm. 3–8). Penerbit Jawatankuasa Penyelidikan Budaya.
- Lukman Ibrahim. (2020). *Model tadbir urus negara berteraskan pentadbiran Nabi Muhammad SAW* (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Mahayudin Haji Yahya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maszlee Malik. (2019). *Asas tadbir urus Islam* (A. M. Abadi, C. M. A. Wong, & Z. Mahmud, Terj.). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mestika Zed. (2010). *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan*. Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang.
- Al-Mu'jam al-Wasit. (2013). *Al-Mu'jam al-Wasit* (Edisi ke-5). Majma' al-Lughah al-'Arabiyah.
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, & Kamaruddin Salleh. (2016). Faktor kelemahan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 6, 89–104.
- Nadzan Haron. (1997). *Pemilikan dan pentadbiran tanah adat 1800–1960*. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Nazirah Lee. (2022). *Perisikan British terhadap Masyarakat Islam di Tanah Melayu pada Awal Abad ke-20*. *International Journal of West Asian Studies IJWAS* (14): 01-10.
- Norhalim Hj Ibrahim. (2007). Sejarah kewujudan Adat Perpatih. Dalam *Adat Perpatih: Esei pilihan*. Jabatan Warisan Negara.
- Nursyafiqah Ruzali, Anwar Muttaqin, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Md Yazid Ahmad, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Hafiz Safiai, Nurul Abrar Md Isa & Napisah Karimah Ismail (2024). *Konflik Dalam Naratif Hubungan Geopolitik Antara Hijaz, Kerajaan Uthmaniyah Dan British Pada Abad Ke-19 dan 20*. *International Journal of West Asian Studies IJWAS*. V.16, 129-145.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2015). *Kepimpinan dan pengurusan Islam: Sejarah, teori dan pelaksanaan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosiswandy Mohd Salleh. (2017). *Sejarah pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Muzium Adat Negeri Sembilan.
- Sahid, M. M., Syed, S. M. C., Yahya, A. A., Hasan, B. M. M., & Fettan, A. (2021). Leadership system of Adat Perpatih in Malaysia as a model of consensus and democracy concept: An analytical study. *Psychology and Education Journal*, 58(3), 1199–1206.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman, & Mohd Izani Mohd Zain. (2008). Efektif governan dan pelaksanaannya dalam pentadbiran Islam. *Jurnal Syariah*, 16, 465–496.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Siti Arni Basir, & Mohd Zaidi Abdul Rahman. (2020). *Tadbir urus efektif, politik dan kualiti: Perspektif Islam dan kontemporari*. Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Hamdi Wan Sulaiman, Rozali, E. A., & Mujani, W. K. (2022). Sistem federalisme dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam I. S. M. Resad @ Arshad et al. (Pnyt.), *Islam di Negeri Sembilan: Jasa dan sumbangan ulama* (hlm. 172–194). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Winstedt, R. O. (1934). Negeri Sembilan: The history, polity and beliefs of the Nine States. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 12(3), 1–12.
- Zakaria Hitam. (1988). *Adat bersendikan hukum, sejauh mana kebenarannya dan pengaruhnya dalam sistem perundangan Islam di Negeri Sembilan* (Disertasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).